

Teroka peluang ekonomi: PM

BN - 2 JUN 1990

(12)

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini merasmikan sidang kemuncak pertama kumpulan 15 negara membangun (G-15) dan meminta negara Selatan menggembleng usaha dan menimba faedah daripada potensi serta peluang ekonomi yang besar di antara satu sama lain.

Perdana Menteri berkata, semua negara Selatan mesti mengadakan pendekatan baru bagi membolehkan mereka meraih faedah daripada kekayaan di Selatan.

Menurutnya, banyak perkara, terutama yang berbentuk ekonomi, boleh dilakukan sendiri oleh negara Selatan, tanpa bergantung dan berharap kepada pihak lain yang berkepentingan.

Satu daripadanya, kata beliau, ialah merangka semula pasaran yang besar di negara membangun di Selatan, yang kini hanya didapati oleh negara maju di Utara, dengan mewujudkan kerjasama ekonomi dan perdagangan di antara satu sama lain.

"Untuk melakukan ini, kita perlu mempelajari lebih banyak mengenai keperluan sesama sendiri, undang-undang dan peraturan, sistem import dan pagedaran, urusan kewangan dan matawang serta pelbagai perkara lain," katanya di majlis perasmian yang berlangsung di dewan jamuan, bangunan Parlimen di sini.

Dalam hubungan ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Malaysia mencadangkan penubuhan sebuah Rangkaian Maklumat Per-

dagangan dan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Selatan.

"Kita perlu mengetahui apa yang berlaku dan apa yang boleh didapati di negara Selatan untuk mengeratkan hubungan ekonomi di antara kita," katanya.

Cadangan itu adalah antara 11 yang akan dibincangkan oleh ketua kerajaan dan perwakilan G-15 dalam sidang kemuncak sebenar yang bermula petang ini di Carcosa, sebahagian daripada Carcosa Seri Negara, sebuah hotel mewah di tengah-tengah kawasan hijau Taman Tasik Perdana di sini.

Negara anggota G-15 ialah Algeria, Argentina, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe.

Sembilan daripada negara berkenaan diwakili oleh presiden atau perdana menteri masing-masing manakala yang lain kebanyakannya oleh menteri luar bagi pihak ketua kerajaan mereka.

Sebagai permulaan, beliau menyarankan negara anggota menimbang kemungkinan mewujudkan hubungan perkhidmatan udara di antara negara.

Perdana Menteri yang mempengerusikan persidangan itu, juga mencadangkan penubuhan sebuah Sekretariat Selatan untuk negara anggota G-15 bagi menyelaraskan segala tindakan dan kegiatan bagi faedah bersama.

Beliau berkata, sekretariat itu tidak per-

lu terlalu lengkap, tetapi memadai dengan beberapa kakitangan dan peruntukan yang kecil.

"Malaysia ingin mencadangkan dan akan menyokong penubuhan sekretariat seumpama itu," katanya.

Di awal ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, G-15 yang ditubuhkan di Sidang Kemuncak Negara Berkecuali di Belgrade tahun lalu, bukanlah sebagai sebuah kumpulan untuk menentang Kumpulan 7 negara perindustrian di Utara.

"Kita tidak melantik diri kita sendiri sebagai pengantara dan penggubal peraturan hal-ehwal ekonomi atau berkomplot menentang Utara," katanya.

Sebaliknya, jelas beliau, G-15 ditubuhkan bagi membolehkan negara membangun bersidang untuk berbincang dan mencari penyelesaian terhadap masalah yang melanda Selatan.

Perdana Menteri juga berkata, G-15 akan merapatkan dialog dengan pihak Utara kerana ketiadaan dialog seumpama itu menyebabkan jurang ekonomi di antara Utara dan Selatan semakin luas sejak kegagalan dialog pertama Utara-Selatan.

Beliau berpendapat pihak Utara perlu disalahkan bagi kebanyakan masalah yang dialami oleh Selatan, kerana masalah berkenaan tidak mungkin disebabkan oleh interaksi Selatan-Selatan yang tidak mempunyai banyak perhubungan antara satu sama lain.